

INTERNATIONAL JOURNAL OF
EDUCATION, PSYCHOLOGY
AND COUNSELLING
(IJEPC)

<https://gaexcellence.com/ijepe>



KESAHAN INSTRUMEN KEPERIBADIAN ISLAM
REMAJA (IKIR)

*VALIDITY OF THE ISLAMIC ADOLESCENT PERSONALITY
INSTRUMENT (IKIR)*

Norhayati Ahmad^{1*}, Zaidi Fadzil², Nurul Huda Ishak³

¹ Kuliyah Kaunseling, Pendidikan dan Sains Sosial (KAUSAS), UniSHAMS, Malaysia

 hayyun66@gmail.com

 <https://orcid.org/0009-0004-6064-2811>

² Kuliyah Kaunseling, Pendidikan dan Sains Sosial (KAUSAS), UniSHAMS, Malaysia

 zaidifadzil@unishams.edu.my

 <https://orcid.org/0009-0003-4620-691X>

³ Kuliyah Kaunseling, Pendidikan dan Sains Sosial (KAUSAS), UniSHAMS, Malaysia

 nurulhudaishak@unishams.edu.my

 <https://orcid.org/0009-0007-2253-3931>

*Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 25.01.2026

Revised date: 22.02.2026

Accepted date: 04.03.2026

Published date: 26.03.2026

To cite this document:

Ahmad, N., Fadzil, Z., & Ishak, N. H., (2026). Kesahan Instrumen Kepribadian Islam Remaja (IKIR). *International Journal of Modern Education*, 8(29), 872-887.

Abstrak:

Kajian ini bertujuan menilai kesahan kandungan Instrumen Kepribadian Islam Remaja (IKIR) yang dibangunkan berasaskan pendekatan psikospiritual Imam al-Ghazali serta prinsip tazkiyah al-nafs (penyucian jiwa). Instrumen ini dibina bagi mengukur keperibadian Islam remaja melalui tiga konstruk utama, iaitu hubungan dengan Allah SWT, hubungan dengan manusia dan hubungan dengan alam sekitar. Sebanyak 107 pernyataan awal telah dinilai oleh 10 orang panel pakar yang terdiri daripada pakar dalam bidang Syariah, kaunseling, psikologi dan pendidikan Islam. Kesahan kandungan dianalisis menggunakan Content Validity Index (CVI) pada aras item (I-CVI) dan aras skala (S-CVI/Ave dan S-CVI/UA). Dapatan kajian menunjukkan bahawa 66 pernyataan (61.7%) memperoleh persetujuan penuh dengan nilai I-CVI = 1.00, manakala nilai keseluruhan S-CVI/Ave = 0.951, melepasi nilai ambang minimum 0.90 yang disarankan dalam literatur metodologi. Selain itu, kesahan muka turut dijalankan dengan melibatkan 25 orang responden remaja bagi menilai tahap kefahaman dan kesesuaian pernyataan instrumen. Hasil dapatan menunjukkan bahawa pernyataan dalam IKIR dapat difahami dengan baik oleh responden. Secara keseluruhannya, kajian ini menunjukkan bahawa IKIR mempunyai tahap kesahan kandungan yang tinggi serta berpotensi digunakan dalam kajian lanjutan untuk menilai keperibadian

Islam remaja dalam konteks pendidikan, kaunseling dan pembangunan sahsiah berasaskan pendekatan psikospiritual Islam.

DOI: 10.35631/IJMOE.829052 **Kata Kunci:**

Kesahan Kandungan; Keperibadian Islam; Pendekatan Psikospiritual; Remaja; *Tazkiyah Al-Nafs*

Abstract:

This study aims to evaluate the content validity of the Islamic Adolescent Personality Instrument (IKIR), which was developed based on Imam al-Ghazali's psychospiritual approach and the concept of *tazkiyah al-nafs* (purification of the soul). The instrument was developed to measure Islamic personality among adolescents through three main constructs: the relationship with Allah SWT, relationships with others, and responsibility towards the environment. A total of 107 initial items were evaluated by 10 expert panelists from various fields, including Shariah, counseling, psychology, and Islamic education. Content validity was analysed using the Content Validity Index (CVI) at both the item level (I-CVI) and scale level (S-CVI/Ave and S-CVI/UA). The findings indicate that 66 items (61.7%) achieved full agreement with an I-CVI value of 1.00. The overall S-CVI/Ave value was recorded at 0.951, exceeding the recommended minimum threshold of 0.90 suggested by Lynn (1986) and Polit and Beck (2006). In addition, face validity was conducted with 25 adolescent respondents to assess the clarity and suitability of the instrument items. The results show that the items were well understood by the respondents. Overall, the findings demonstrate that the IKIR instrument has a high level of content validity and has the potential to be used in further studies to assess Islamic personality among adolescents in the context of Islamic education and character development.



© The authors (2026). This is an Open Access article distributed under the terms of the Creative Commons Attribution (CC BY NC) (<http://creativecommons.org/licenses/by-nc/4.0/>), which permits non-commercial re-use, distribution, and reproduction in any medium, provided the original work is properly cited. For commercial re-use, please contact ijepc@gaexcellence.com

Keyword:

Content Validity; Islamic Personality; Psychospiritual Approach; Adolescents; *Tazkiyah Al-Nafs*

Pengenalan

Keperibadian Islam merujuk kepada proses pembinaan insan secara menyeluruh yang melibatkan keseimbangan dimensi rohani, emosi, intelektual dan akhlak (Rafii, 2021; Alghifari, 2024). Dalam tradisi pemikiran Islam, pendekatan psikospiritual Imam al-Ghazali melalui konsep *tazkiyah al-nafs* memberikan kerangka penting dalam proses penyucian jiwa

serta pembangunan potensi manusia ke arah kesejahteraan dunia dan akhirat. Pendekatan ini menekankan bahawa pembentukan insan bermula daripada pembangunan dalaman yang kukuh sebelum dizahirkan melalui tingkah laku dan akhlak yang selaras dengan ajaran Islam (Qasim, 2018).

Dalam konteks perkembangan remaja, pembentukan keperibadian Islam perlu difahami melalui integrasi peranan manusia sebagai hamba dan khalifah Allah SWT. Sebagai hamba, remaja dituntut membina hubungan yang kukuh dengan Allah melalui keimanan, ibadah dan keikhlasan. Pada masa yang sama, sebagai khalifah, remaja memikul tanggungjawab sosial untuk berakhlak mulia, berinteraksi secara beretika serta menyumbang kepada kesejahteraan masyarakat. Hubungan antara dimensi pengabdian kepada Allah dan tanggungjawab sosial ini menjadikan akhlak sebagai manifestasi utama keperibadian Islam (Raffi, 2021).

Pendekatan psikospiritual Islam menekankan keseimbangan antara dimensi psikologi dan kerohanian yang berasaskan struktur diri manusia yang merangkumi qalb (hati), nafs (jiwa), 'aql (akal) dan ruh (Fasya, 2022). Interaksi antara komponen ini mempengaruhi pembentukan keperibadian serta tingkah laku individu. Ketidakseimbangan dalam pengurusan dimensi tersebut boleh membawa kepada konflik nilai, kekeliruan identiti serta kemerosotan akhlak dalam kalangan remaja.

Menurut al-Ghazali (2004), pembinaan keperibadian berlaku melalui proses *tazkiyah al-nafs* yang melibatkan tiga tahap utama, iaitu takhalli (pengosongan diri daripada sifat tercela), tahalli (penghiasan diri dengan sifat terpuji) dan tajalli (penzahiran akhlak dalam kehidupan). Proses ini memerlukan mujahadah dan latihan rohani yang berterusan agar perubahan dalaman dapat diterjemahkan dalam tingkah laku luaran.

Walau bagaimanapun, remaja Muslim masa kini berhadapan dengan pelbagai cabaran sosial yang berpotensi menjejaskan pembentukan sahsiah. Pengaruh media sosial, budaya hedonisme, tekanan rakan sebaya serta perubahan struktur sosial telah mewujudkan persekitaran yang sarat dengan konflik nilai dan tekanan psikososial (Ariyani, 2025; Sarnoto, 2023). Keadaan ini sering mewujudkan jurang antara kefahaman agama secara kognitif dengan tahap penghayatan nilai Islam dalam kehidupan seharian.

Sehubungan itu, pembangunan alat pengukuran yang sah dan sistematik amat penting bagi menilai tahap keperibadian Islam dalam kalangan remaja. Walaupun terdapat kajian yang meneliti hubungan antara religiositi dan pembentukan akhlak, kebanyakan kajian terdahulu hanya menilai amalan ibadah secara terpisah dan tidak mengintegrasikan dimensi iman, tanggungjawab khalifah dan akhlak secara menyeluruh. Selain itu, banyak instrumen psikologi yang digunakan dalam penyelidikan masih berasaskan paradigma Barat yang tidak sepenuhnya mencerminkan tasawur Islam.

Bagi mengisi jurang tersebut, Instrumen Keperibadian Islam Remaja (IKIR) dibangunkan berasaskan kerangka psikospiritual Islam yang mengintegrasikan konsep iman, khalifah dan akhlak serta diperkukuh melalui prinsip *tazkiyah al-nafs*. Instrumen ini memetakan tiga domain utama iaitu hubungan remaja dengan Allah SWT, hubungan dengan manusia serta hubungan dengan alam sekitar bagi membolehkan keperibadian Islam diukur secara lebih komprehensif.

Sorotan Literatur

Beberapa kajian terdahulu menunjukkan bahawa pendidikan Islam mempunyai hubungan yang signifikan dengan pembentukan sahsiah dan kestabilan emosi remaja. Sebagai contoh, kajian oleh Hodijah (2021) mendapati bahawa remaja yang terlibat dalam program hafazan al-Quran menunjukkan tahap kawalan diri dan kestabilan emosi yang lebih tinggi berbanding pelajar aliran biasa. Amalan hafazan bukan sahaja melibatkan proses kognitif, malah turut berfungsi sebagai bentuk *tazkiyah al-nafs* yang menghubungkan jiwa dengan wahyu Allah.

Dalam konteks pengukuran keperibadian Islam, beberapa sarjana menegaskan bahawa instrumen psikologi yang digunakan perlu berasaskan kerangka tasawur Islam. Mutiara Dwi Sari (2019) menekankan bahawa instrumen keperibadian Islam tidak boleh diadaptasi sepenuhnya daripada model Barat yang berasaskan kerangka Judeo-Kristian. Sebaliknya, pengukuran keperibadian dalam Islam perlu berpaksikan prinsip tauhid, khalifah dan akhlak serta merujuk kepada sumber utama seperti al-Quran dan hadis. Kajian oleh Tanveer (2020) turut mengetengahkan konsep pembangunan keperibadian manusia (*Tameer-e-Insaniat*) yang berlandaskan panduan al-Quran dan sunnah serta menegaskan bahawa Rasulullah SAW merupakan model utama keperibadian Islam.

Kajian oleh Salbiah Mohamed Salleh (2015) turut membandingkan teori keperibadian Barat seperti psikoanalisis Freud, behaviorisme dan teori penaakulan moral Kohlberg dengan teori keperibadian al-Ghazali. Dapatan kajian tersebut menunjukkan bahawa nilai Barat sering terikat kepada konteks budaya tertentu, manakala nilai Islam bersifat universal serta berasaskan wahyu. Analisis ini menyokong keperluan pembangunan instrumen yang berteraskan nilai Islam dan bukan sekadar adaptasi daripada instrumen Barat yang berpotensi bersifat sekular.

Dalam konteks pembentukan akhlak remaja, beberapa kajian turut menekankan peranan amalan ibadah sebagai faktor penting dalam pembentukan sahsiah. Norzira Ahmad (2019) mendapati bahawa walaupun pelajar memahami kepentingan solat, tahap pengamalannya masih rendah akibat kekangan masa, pengaruh rakan sebaya dan kurang dorongan keluarga. Mohd Zaini Samad (2020) pula menunjukkan bahawa pelaksanaan solat fardu secara konsisten dapat membentuk akhlak terpuji dalam kalangan pelajar sekolah menengah. Sementara itu, kajian oleh Suhaila Nadzri (2018) mengenal pasti beberapa faktor utama pengabaian solat dalam kalangan remaja termasuk pengaruh media, persekitaran keluarga serta kelemahan sendiri.

Selain itu, kajian Sharifah Noorhidayah Syed Aziz (2021) menunjukkan bahawa penghayatan amalan sunat seperti solat sunat, zikir dan puasa sunat mempunyai hubungan yang signifikan dengan pembentukan sahsiah pelajar tahfiz. Dapatan ini disokong oleh kajian Sephia Febiana Sari (2023) yang menegaskan bahawa akhlak mulia merupakan refleksi keperibadian Muslim yang dibentuk melalui pendidikan moral al-Quran, di mana amal soleh dan ibadah menjadi komponen penting dalam proses pembentukan tersebut.

Secara keseluruhannya, sorotan kajian ini memberikan justifikasi terhadap kepentingan dimensi amal soleh dalam pembinaan Instrumen Keperibadian Islam Remaja (IKIR). Peranan amal soleh bukan sahaja sebagai bentuk ibadah, malah turut mempengaruhi pembentukan akhlak, sahsiah dan jati diri remaja Muslim. Oleh itu, dimensi iman dan akhlak dalam IKIR merangkumi elemen amal soleh seperti pelaksanaan solat, ibadah sunat, zikir serta adab harian

yang berasaskan sumber wahyu dan model Rasulullah SAW. Integrasi elemen-elemen ini membolehkan keperibadian Islam remaja diukur secara empirikal dan kontekstual.

Objektif Kajian

Kajian ini merupakan kajian pembangunan dan pengesahan instrumen yang bertujuan untuk:

1. Membangunkan Instrumen Keperibadian Islam Remaja (IKIR) berdasarkan kerangka psikospiritual Islam yang mengintegrasikan dimensi iman, tanggungjawab khalifah dan akhlak.
2. Menilai kesahan kandungan instrumen IKIR melalui penilaian panel pakar menggunakan analisis Content Validity Ratio (CVR) dan Content Validity Index (CVI).
3. Menilai kesahan muka instrumen IKIR berdasarkan tahap kefahaman dan kesesuaian pernyataan instrumen dalam kalangan responden remaja.

Metodologi Kajian

Kajian ini merupakan kajian pembangunan dan pengesahan instrumen yang bertujuan menilai kesahan kandungan dan kesahan muka Instrumen Keperibadian Islam Remaja (IKIR). Penilaian kesahan dijalankan bagi memastikan kandungan instrumen benar-benar mewakili domain konstruk yang ditetapkan serta sesuai digunakan dalam kalangan remaja.

Bagi menilai kesahan kandungan, kajian ini menggunakan pendekatan perakuan pakar (*expert validation*) seperti yang disarankan dalam pembangunan instrumen psikometrik (Creswell, 2005). Penilaian ini melibatkan gabungan bukti kuantitatif dan kualitatif melalui analisis Content Validity Ratio (CVR) dan Content Validity Index (CVI) bagi menilai kerelevanan serta kebolehwakilan kandungan instrumen (Lawshe, 1975; Polit & Beck, 2006). Selain itu, maklum balas kualitatif panel pakar turut digunakan bagi memurnikan struktur ayat, istilah dan kesesuaian kandungan instrumen.

Secara keseluruhannya, proses pengesahan instrumen ini menumpukan kepada dua aspek utama, iaitu kerelevanan kandungan dan kebolehwakilan domain konstruk, bagi memastikan setiap butiran instrumen mencerminkan dimensi keperibadian Islam remaja secara tepat (Zainal, 2020).

Panel Pakar

Penilaian kesahan kandungan IKIR melibatkan 10 orang panel pakar daripada pelbagai bidang kepakaran, termasuk Syariah, pendidikan Islam, kaunseling remaja, psikologi dan bahasa. Penglibatan panel daripada pelbagai latar kepakaran penting bagi memastikan penilaian instrumen dilakukan secara menyeluruh dari aspek kandungan Islam, kesesuaian psikologi remaja serta kejelasan bahasa.

Bilangan panel pakar ini selaras dengan cadangan dalam literatur metodologi yang menyarankan penglibatan antara lima hingga 10 orang pakar bagi menghasilkan indeks kesahan kandungan yang stabil dan bermakna (Polit & Beck, 2006; Zamanzadeh et al., 2015). Ringkasan latar belakang panel pakar dipaparkan dalam Table 1.

Table 1 Senarai Panel Pakar (IKIR)

Panel	Jawatan	Pengalaman
Panel 1	Pensyarah Bahasa	10 tahun
Panel 2	Kaunselor	10 tahun
Panel 3	Pensyarah Syariah	5 tahun
Panel 4	Student Guidance Unit (SGU)	10 tahun
Panel 5	Penolong Kanan Pentadbiran	10 tahun
Panel 6	Pensyarah Kaunseling/Kaunselor	10 tahun
Panel 7	Pensyarah Kaunseling/Kaunselor	10 tahun
Panel 8	Pensyarah Syariah	8 tahun
Panel 9	Pensyarah Syariah	10 tahun
Panel 10	Pensyarah Kaunseling dan Kaunselor	10 tahun

Table 1 menunjukkan bahawa panel yang terlibat mempunyai pengalaman profesional antara lima hingga 10 tahun. Kepelbagaian latar kepakaran ini penting bagi memastikan penilaian instrumen dilakukan secara menyeluruh dari aspek bahasa, kandungan Islam, psikologi remaja dan kesesuaian aplikasi lapangan.

Skala Penarafan Pakar dan Rasional Skala Tiga Tahap

Panel pakar menilai setiap item dalam instrumen menggunakan skala tiga tahap kepentingan, iaitu:

1. Penting (*essential*)
2. Berguna tetapi tidak penting
3. Tidak perlu

Walaupun sebahagian kajian menggunakan skala empat tahap, kajian ini mengekalkan skala tiga tahap kerana objektif utama penilaian pada peringkat ini adalah untuk menentukan sama ada sesuatu item benar-benar penting (*essential*) untuk dikekalkan dalam domain konstruk. Oleh itu, kategori “Penting (*essential*)” menjadi penentu utama yang membezakan item yang perlu dikekalkan daripada item yang bersifat sokongan atau tidak diperlukan.

Pendekatan ini selaras dengan logik Content Validity Ratio (CVR) yang mentakrifkan kesahan kandungan berdasarkan peratus panel pakar yang menilai sesuatu item sebagai penting berbanding tidak penting (Lawshe, 1975; Ayre & Scally, 2014). Selain penilaian kuantitatif, panel pakar turut memberikan maklum balas kualitatif bagi tujuan pemurnian instrumen, termasuk memperjelas istilah, memendekkan ayat, mengurangkan pertindihan makna serta menyesuaikan aras kesukaran item dengan tahap perkembangan remaja.

Pengiraan Indeks Kesahan Kandungan

Kesahan kandungan dianalisis menggunakan *Content Validity Ratio* (CVR) dan *Content Validity Index* (CVI). Nilai CVR dikira berdasarkan bilangan panel pakar yang menilai sesuatu item sebagai penting (*essential*). Menurut Lawshe (1975), nilai CVR dibandingkan dengan nilai ambang kritikal berdasarkan jumlah panel pakar; bagi panel pakar seramai 10 orang, nilai

minimum yang lazim dirujuk ialah 0.62 untuk mengekalkan sesuatu item dalam instrumen (Ayre & Scally, 2014).

Selain itu, kesahan kandungan turut dianalisis menggunakan *Content Validity Index* (CVI) pada aras item (I-CVI) dan aras skala (S-CVI/Ave) bagi menilai kerelevanan dan kebolehwakilan kandungan instrumen (Polit & Beck, 2006). Bagi meningkatkan ketelitian analisis, kajian ini turut menggunakan kappa terubah suai (*modified kappa*) bagi mengambil kira kemungkinan persetujuan secara rawak antara panel pakar (Polit, Beck, & Owen, 2007). Kerangka pengiraan indeks kesahan kandungan ditunjukkan dalam Figure 1.




Figure 1 Kerangka Pengiraan Indeks Kesahan Kandungan (CVR dan CVI)

Kesahan Muka

Kesahan muka dijalankan bagi memastikan aspek bahasa, struktur ayat dan gaya penulisan dalam IKIR mudah difahami serta sesuai dengan tahap perkembangan remaja (Muijs, 2004; Wiersma, 2000). Penilaian ini melibatkan 25 orang remaja yang diminta memberikan maklum balas terhadap tahap kefahaman dan kesesuaian kandungan instrumen. Ringkasan skor kesahan muka dipaparkan dalam Table 5.

Analisis Data

Data penilaian pakar dianalisis bagi menentukan tahap kesahan kandungan Instrumen Keperibadian Islam Remaja (IKIR). Analisis ini melibatkan pengiraan Content Validity Ratio (CVR) bagi setiap item serta Content Validity Index (CVI) pada aras item dan aras skala bagi menilai kerelevanan dan kebolehwakilan kandungan instrumen.

Nilai CVR dikira menggunakan formula berikut:

$$CVR = (ne - N/2) / (N/2)$$

di mana *ne* merujuk kepada bilangan panel pakar yang menilai sesuatu item sebagai penting (*essential*), manakala *N* merujuk kepada jumlah keseluruhan panel pakar (Lawshe, 1975). Nilai I-CVI diperolehi daripada nisbah bilangan pakar yang bersetuju terhadap kerelevanan sesuatu item berbanding jumlah pakar keseluruhan, manakala S-CVI/Ave dikira sebagai purata nilai I-CVI bagi semua item dalam instrumen (Polit & Beck, 2006).

Berdasarkan dapatan kajian, sebanyak 66 daripada 107 item memperoleh persetujuan penuh daripada kesemua 10 panel pakar ($ne = 10$) dan mencatat CVR = 1.00, iaitu melepasi nilai ambang minimum bagi panel pakar seramai 10 orang. Selain itu, 32 item mencatat $ne = 8$ (CVR ≈ 0.60), tujuh item mencatat $ne = 6$ (CVR ≈ 0.20), manakala dua item mencatat $ne = 4$ (CVR ≈ -0.20). Item yang tidak mencapai nilai ambang minimum telah disemak semula, dimurnikan atau digugurkan berdasarkan gabungan bukti kuantitatif dan maklum balas kualitatif panel pakar.

Pada aras skala, nilai S-CVI/Ave = 0.903 diperoleh, iaitu melepasi nilai ambang minimum 0.80 yang disarankan oleh Polit dan Beck (2006). Dapatan ini menunjukkan bahawa IKIR mempunyai tahap kesahan kandungan yang tinggi serta mampu mewakili domain konstruk keperibadian Islam remaja secara komprehensif.

Selepas proses pemurnian, sebanyak 66 item teras dikekalkan dalam instrumen akhir seperti yang dipaparkan dalam Table 3. Proses pemurnian melibatkan pemadatan ayat, penyeragaman istilah serta penghapusan pertindihan makna bagi memastikan setiap item jelas, relevan dan sesuai dengan tahap perkembangan remaja.

Table 2 Item dengan Nilai CVR < 0.62

Item	Konstruk	CVR	Keputusan
28	Hubungan dengan Allah	0.60	Semak semula
33	Hubungan dengan Allah	0.60	Semak semula
36	Hubungan dengan Allah	0.40	Digugurkan
31	Hubungan dengan Manusia	0.60	Semak semula
5	Hubungan dengan Alam	0.60	Semak semula
8	Hubungan dengan Alam	0.40	Digugurkan

Dapatan Kesahan Kandungan

Table 2 memaparkan hasil penilaian panel pakar terhadap item yang mencatat nilai Content Validity Ratio (CVR) di bawah ambang minimum yang disarankan. Dapatan menunjukkan bahawa hanya sebilangan kecil item memerlukan semakan semula atau digugurkan, manakala sebahagian besar item lain melepasi nilai ambang dan dianggap penting serta relevan oleh panel pakar dalam mengukur konstruk yang ditetapkan.

Tahap kesahan kandungan keseluruhan instrumen turut dinilai melalui pengiraan Content Validity Index pada aras skala (S-CVI/Ave) seperti berikut:

Jumlah skor persetujuan

$$= (66 \times 1.0) + (32 \times 0.8) + (7 \times 0.6) + (2 \times 0.4)$$

$$= 66 + 25.6 + 4.2 + 0.8 = 96.6$$

$$S-CVI/Ave = 96.6 / 107 = 0.903$$

Nilai S-CVI/Ave = 0.903 menunjukkan bahawa kesahan kandungan keseluruhan IKIR berada pada tahap yang tinggi dan melepasi nilai ambang minimum 0.80 yang disarankan dalam

literatur metodologi (Polit & Beck, 2006). Dapatan ini menunjukkan bahawa majoriti item dalam IKIR mempunyai tahap kerelevanan dan kebolehwakilan kandungan yang baik dalam mengukur konstruk keperibadian Islam remaja.

Pemurnian Item

Berdasarkan keputusan penilaian panel pakar, proses pemurnian instrumen dilaksanakan bagi memastikan setiap item benar-benar mewakili konstruk yang hendak diukur serta sesuai digunakan dalam kalangan remaja. Proses ini melibatkan pengekalan item yang mencapai tahap persetujuan tinggi, manakala item yang tidak memenuhi nilai ambang kesahan disemak semula, diubah suai atau digugurkan.

Di samping itu, maklum balas kualitatif panel pakar digunakan untuk memperbaiki struktur ayat, memperjelas istilah serta mengurangkan pertindihan makna dalam instrumen. Proses pemurnian ini penting bagi memastikan setiap item jelas, relevan dan selaras dengan tahap perkembangan kognitif remaja.

Melalui proses ini, sebanyak 66 daripada 107 item awal telah dikekalkan sebagai set item teras dalam Instrumen Keperibadian Islam Remaja (IKIR). Item-item tersebut disusun mengikut tiga konstruk utama, iaitu Hamba Cemerlang, Khalifah Cemerlang dan Akhlak Cemerlang, yang mencerminkan dimensi hubungan remaja dengan Allah SWT, hubungan sesama manusia serta hubungan dengan alam sekitar. Senarai penuh item selepas proses pemurnian dipaparkan dalam Table 3.

Table 3 Item-Item Selepas Permurnian

Konstruk Hamba Cemerlang
1. Saya mengetahui keagungan Allah SWT melalui 99 nama Allah.
2. Saya meyakini tiada suatu kuasa dapat menandingi kekuasaan Allah SWT.
3. Saya percaya setiap kehidupan di atas dunia ini adalah milik Allah SWT.
4. Saya meyakini tidak akan berlaku suatu perkara tanpa izin Allah SWT.
5. Saya beriman kepada para Malaikat.
6. Saya beriman kepada para Rasul dan Nabi.
7. Saya beriman kepada Kitab-Kitab yang diturunkan kepada para Rasul.
8. Saya beriman kepada Qadak dan Qadar.
9. Saya menyedari al-Quran adalah mukjizat kepada Nabi SAW.
10. Saya menyedari Nabi SAW adalah seorang yang maksum.
11. Nabi SAW ialah contoh teladan bagi saya.
12. Laungan azan menyebabkan saya ingin menyegerakan solat.
13. Saya berasa Allah SWT mengawasi tindakan saya.
14. Saya berasa takut dengan hukuman Allah SWT.
15. Saya percaya zakat dapat menolong orang lain.
16. Saya segera bertaubat selepas menyedari kesalahan saya.
17. Saya tetap melakukan solat fardu lima waktu setiap hari.
18. Saya sentiasa mengingati Allah SWT dengan berzikir.
19. Saya berasa rugi jika bulan Ramadan tidak diisi dengan amal soleh.
20. Saya berusaha untuk solat tarawih dalam bulan Ramadan.

21. Saya mengambil wuduk dengan sempurna sebelum solat.
- 22a. Saya tidak lupa solat Jumaat. (lelaki)
- 22b. Saya qada puasa yang tertinggal. (wanita)

Konstruk Khalifah Cemerlang

23. Saya menghormati para ilmuwan agama.
24. Saya beristighfar selepas mengambil wuduk.
25. Saya percaya tentang kedatangan Imam Mahdi.
26. Saya percaya malu itu separuh daripada iman.
27. Saya menghayati hadis Nabi SAW.
28. Saya memulakan tindakan dengan membaca "Bismillah".
29. Saya menghayati kalimah "Lā ilāha illā Allāh".
30. Saya menginsafi diri dengan perjuangan Nabi SAW.
31. Saya berusaha membaca al-Quran dengan sebutan yang betul.
32. Saya sentiasa bersangka baik dengan Allah SWT.
33. Saya percaya ilmu agama ialah kunci kebahagiaan hidup.
34. Saya memilih untuk menjadi seorang yang amanah.
35. Saya mendoakan kebaikan kepada semua muslimin dan muslimat.
36. Saya akan menjawab setiap salam.
37. Saya melatih diri untuk berbuat kebaikan kerana Allah SWT.
38. Saya mudah memaafkan kesalahan orang terhadap saya.
39. Saya berasa berdosa jika tidak bercakap benar.
40. Saya menyedari pekerjaan syaitan ialah menghasut manusia ke arah kejahatan.
41. Saya percaya Allah SWT menguji manusia mengikut kemampuan mereka.
42. Saya percaya cara hidup Islam adalah yang terbaik.
43. Saya mampu bersabar ketika berhadapan dengan musibah.
44. Saya menghadirkan ingatan kepada Allah SWT ketika dalam kesulitan.

Konstruk Akhlak Cemerlang

45. Saya mengajak teman-teman saya memperbanyakkan selawat.
46. Saya menyedari menderhakai ibu bapa adalah suatu dosa.
47. Saya akan menegur kawan-kawan saya dengan berhikmah.
48. Saya memilih untuk membeli makanan yang bertanda halal sahaja.
49. Saya berusaha membahagiakan ibu bapa.
50. Saya menerima teguran para guru.
51. Saya tidak akan mengajak kawan saya melakukan perkara yang dilarang agama.
52. Saya bersopan santun dengan tetamu yang datang ke rumah.
53. Saya tidak akan memfitnah kawan saya.
54. Saya memanggil kawan saya dengan nama yang baik.
55. Saya menyampaikan ajaran Islam kepada orang bukan Islam.
56. Saya bersyukur kepada Allah SWT kerana dapat menikmati alam sekeliling.
57. Saya menyedari tumbuh-tumbuhan dan haiwan juga berhak untuk hidup di dunia ini.
58. Saya bersimpati dengan mangsa bencana alam.
59. Saya percaya menjaga kebersihan adalah suatu ibadah.
60. Saya berlapang dada menerima teguran guru disiplin.
61. Saya memberi kerjasama dalam gotong-royong.
62. Saya sedar pentingnya menjaga alam sekitar untuk mengelakkan bencana.
63. Saya membuang sampah ke dalam tong sampah.

64. Saya membakar sampah di kawasan yang tidak mengganggu orang ramai.
65. Saya mematuhi setiap arahan di tempat awam dan sekolah.
66. Saya mengingati kebesaran Allah SWT apabila melihat laut dan bukit.

Maklum Balas Pakar

Selain analisis kuantitatif melalui CVR dan CVI, panel pakar turut memberikan maklum balas kualitatif terhadap IKIR. Maklum balas ini meliputi aspek kejelasan bahasa, kesesuaian istilah dan keselarasan kandungan dengan konstruk yang diukur. Cadangan tersebut digunakan untuk memurnikan pernyataan supaya lebih jelas, ringkas dan sesuai dengan tahap kefahaman remaja. Ringkasan komen panel pakar dipaparkan dalam Table 4.

Secara umum, panel pakar mencadangkan beberapa penambahbaikan seperti pemurnian bahasa, pemendekan ayat, pengurangan pengulangan makna dan penyesuaian istilah agar lebih sesuai dengan konteks perkembangan remaja.

Table 4 Maklum Balas Panel Pakar

Jumlah Panel	Komen dan Cadangan
4 Panel (Kaunseling) + 2 Panel (Lapangan)	(a) Konstruk dan item sesuai; (b) tambah item tertentu; (c) nama khas perlu tepat; (d) sediakan ruang komen relevan/tidak; (e) item bertentangan boleh ditanya untuk mengukur sikap; (f) soalan kurang jelas; (g) ringkaskan ayat; (h) ayat panjang menyukarkan kefahaman; (i) pengulangan makna; (j) terdapat item yang mencampurkan ayat positif dan negatif.
3 Panel (Syariah)	(a) pertimbangkan perbezaan antara remaja baligh dan belum baligh; (b) semak kesinambungan limitasi umur; (c) redundansi konsep takwa; (d) jelaskan fokus item; (e) jelaskan fokus item puasa; (f) susun item mengikut tema yang lebih teratur; (g) cadangan tema: Akidah/Ilmu/Pengamalan atau Tazkiyah/Riyadah/Mujahadah; (h) konsep takdir mengelirukan; (i) item tentang al-Quran sebagai perundangan terlalu tinggi untuk remaja; (j) item Imam Mahdi terlalu tinggi dan perlu diolah; (k) cadangkan glosari istilah; (l) item bencana alam perlu diperhalus; (m) item bercucuk tanam tiada nilai ekonomi kurang relevan.
1 Panel (Psikologi)	Bahasa umumnya jelas, tetapi beberapa item kurang jelas serta kurang berkait dengan aspek psikologi remaja; dicadangkan konteks persekitaran diperluas kepada sekolah, rumah dan kejiranan.

Table 4 merumuskan komen dan cadangan yang diberikan oleh panel pakar sepanjang proses penilaian kesahan kandungan. Secara umum, panel pakar mencadangkan beberapa penambahbaikan seperti pemurnian bahasa, pemendekan ayat, pengurangan pengulangan makna serta penyesuaian istilah agar lebih sesuai dengan tahap kefahaman remaja.

Kesahan Muka

Kesahan muka dijalankan bagi memastikan setiap pernyataan dalam Instrumen Keperibadian Islam Remaja (IKIR) mudah difahami serta sesuai dengan tahap perkembangan responden remaja. Penilaian ini melibatkan 25 orang remaja yang diminta memberikan maklum balas terhadap kejelasan bahasa, kefahaman pernyataan dan kesesuaian kandungan instrumen (Muijs, 2004; Wiersma, 2000).

Maklum balas yang diperoleh digunakan untuk memperbaiki struktur ayat dan memastikan pernyataan dalam instrumen tidak menimbulkan kekeliruan kepada responden.

Table 5 Skor Kesahan Muka

No.	Pernyataan	Skor
1	Saya dapat menjawab dengan mudah.	25 (Ya) / 0 (Tidak)
2	Saya dapat memahami setiap pernyataan dalam soal selidik ini.	25 (Ya) / 0 (Tidak)
3	Saya bersetuju setiap pernyataan menepati keperibadian Islam.	25 (Ya) / 0 (Tidak)
4	Saya berasa perlu bermuhasabah diri kembali selepas menjawab setiap soalan.	25 (Ya) / 0 (Tidak)
5	Bagaimana perasaan anda selepas menjawab instrumen ini?	bimbang (0); senang hati (1); ingin menjadi lebih baik (23); tidak rasa apa-apa (1)

Table 5 menunjukkan bahawa semua responden menyatakan pernyataan dalam instrumen mudah difahami dan sesuai dengan konsep keperibadian Islam remaja. Dapatan ini menunjukkan bahawa IKIR mempunyai tahap kesahan muka yang memuaskan dan berpotensi digunakan dalam kalangan remaja tanpa menimbulkan kekeliruan dari segi bahasa dan maksud pernyataan.

Perbincangan

Dapatan kajian menunjukkan bahawa majoriti item dalam Instrumen Keperibadian Islam Remaja (IKIR) memenuhi kriteria kesahan kandungan berdasarkan penilaian panel pakar daripada pelbagai bidang kepakaran. Nilai S-CVI/Ave = 0.903 yang diperoleh melepasi nilai ambang minimum yang disarankan dalam literatur metodologi, sekali gus menunjukkan bahawa kandungan instrumen ini mempunyai tahap kerelevanan dan kebolehwakilan yang tinggi dalam mengukur konstruk keperibadian Islam remaja (Polit & Beck, 2006). Dapatan ini menunjukkan bahawa struktur kandungan IKIR berjaya menggambarkan domain keperibadian Islam secara komprehensif.

Dari perspektif konstruk, dapatan kajian menunjukkan bahawa dimensi Hamba Cemerlang mencerminkan aspek keimanan dan pengabdian kepada Allah SWT yang menjadi asas pembentukan sahsiah Muslim. Item dalam konstruk ini menekankan elemen tauhid, kesedaran rohani serta pengamalan ibadah secara konsisten. Hal ini selaras dengan pandangan al-Ghazali (2004) yang menegaskan bahawa pembentukan keperibadian bermula dengan proses *tazkiyah al-nafs*, iaitu penyucian jiwa sebelum dizahirkan melalui tingkah laku dan akhlak dalam kehidupan seharian.

Bagi konstruk Khalifah Cemerlang, dapatan kajian menunjukkan bahawa elemen penghayatan ilmu, tanggungjawab sosial dan pembangunan sendiri merupakan komponen penting dalam pembentukan keperibadian remaja. Konstruk ini mencerminkan peranan manusia sebagai khalifah yang bertanggungjawab memakmurkan kehidupan secara beretika dan berlandaskan nilai Islam. Hal ini menunjukkan bahawa keperibadian Islam tidak hanya terhad kepada

dimensi spiritual secara individu, tetapi turut melibatkan tanggungjawab sosial serta interaksi yang seimbang dengan masyarakat.

Dalam konstruk Akhlak Cemerlang, item yang dibangunkan merangkumi hubungan sosial sesama manusia serta tanggungjawab terhadap alam sekitar. Pendekatan ini menunjukkan bahawa pembentukan akhlak dalam kerangka IKIR melibatkan integrasi antara hablun min Allah, hablun min al-nas dan hablun ma'a al-bi'ah. Kesepaduan ketiga-tiga dimensi ini menggambarkan bahawa keperibadian Islam dibentuk melalui keseimbangan hubungan spiritual, sosial dan persekitaran.

Dapatan kajian ini juga konsisten dengan kajian terdahulu yang menunjukkan bahawa religiositi dan spiritualiti mempunyai hubungan yang signifikan dengan pembentukan keperibadian serta kesejahteraan psikologi individu. Kajian oleh Hill dan Pargament (2003) serta Koenig (2012) mendapati bahawa penghayatan agama memainkan peranan penting dalam membentuk sistem nilai, kawalan diri dan orientasi moral individu. Dalam konteks remaja Muslim, integrasi unsur iman, ibadah dan akhlak turut dikenal pasti sebagai faktor penting dalam pembentukan identiti diri yang positif serta kestabilan emosi (Abdullah, 2018; Rafii, 2021).

Selain itu, maklum balas panel pakar turut menyumbang kepada proses pemurnian instrumen, khususnya dari aspek kejelasan bahasa dan kesesuaian istilah bagi responden remaja. Beberapa item telah dipendekkan, diseragamkan istilahnya serta disesuaikan dengan tahap perkembangan kognitif remaja. Penambahbaikan ini penting bagi memastikan setiap item mudah difahami serta dapat dijawab dengan tepat oleh responden. Pendekatan ini selari dengan pandangan DeVellis (2017) yang menegaskan bahawa kejelasan bahasa merupakan aspek penting dalam pembangunan instrumen psikometrik.

Secara keseluruhannya, dapatan kajian menunjukkan bahawa IKIR mempunyai asas teoritikal yang kukuh serta kesahan kandungan yang memadai untuk digunakan dalam penyelidikan berkaitan pembangunan sahsiah remaja Muslim. Instrumen ini juga memperlihatkan keselarasan dengan kerangka psikospiritual Imam al-Ghazali yang menekankan integrasi antara dimensi iman, *tazkiyah al-nafs* dan akhlak dalam pembentukan keperibadian manusia.

Limitasi Kajian

Walaupun kajian ini memberikan bukti kesahan kandungan yang memadai bagi Instrumen Keperibadian Islam Remaja (IKIR), kajian ini hanya menumpukan kepada penilaian kesahan kandungan dan kesahan muka melalui penilaian panel pakar serta responden remaja. Oleh itu, kajian lanjutan disarankan untuk menguji struktur konstruk instrumen secara empirikal melalui analisis statistik lanjutan seperti Analisis Faktor Penerokaan (EFA) dan Analisis Faktor Pengesahan (CFA). Langkah ini penting bagi memastikan kestabilan struktur konstruk serta kebolehgunaan instrumen dalam konteks penyelidikan yang lebih luas.

Kesimpulan

Kajian ini bertujuan menilai kesahan kandungan Instrumen Keperibadian Islam Remaja (IKIR) yang dibangunkan berasaskan kerangka psikospiritual Islam. Dapatan kajian menunjukkan bahawa IKIR mempunyai tahap kesahan kandungan yang tinggi berdasarkan penilaian panel pakar daripada pelbagai bidang kepakaran. Item dalam instrumen ini didapati mewakili

konstruk utama keperibadian Islam yang merangkumi dimensi hubungan dengan Allah SWT, hubungan dengan manusia serta tanggungjawab terhadap alam sekitar.

Proses pemurnian instrumen melalui analisis CVR, CVI serta maklum balas kualitatif panel pakar telah membantu meningkatkan kerelevanan kandungan dan kejelasan item dalam instrumen. Hasilnya, sebanyak 66 item teras telah dikekalkan sebagai komponen utama dalam Instrumen Keperibadian Islam Remaja (IKIR).

Secara keseluruhannya, pembangunan IKIR memberikan sumbangan penting kepada bidang pengukuran psikologi Islam dengan menyediakan instrumen yang sistematik, sah dan relevan untuk menilai keperibadian Islam dalam kalangan remaja. Instrumen ini berpotensi digunakan dalam konteks pendidikan, kaunseling dan penyelidikan bagi menyokong usaha pembangunan sahsiah remaja Muslim secara lebih berasaskan bukti empirikal.

Penghargaan:	Penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Muad'zam Shah (UniSHAMS) atas sokongan dan kemudahan yang diberikan sepanjang kajian ini dijalankan.
Penyataan Pembiayaan:	Kajian ini tidak menerima sebarang pembiayaan.
Pernyataan Konflik Kepentingan:	Penulis mengisytiharkan bahawa tiada konflik kepentingan berkaitan penerbitan kertas kerja ini. Semua penulis telah menyumbang kepada kajian ini dan telah meluluskan versi akhir manuskrip untuk penyerahan kepada International Journal of Modern Education (IJMOE)
Pernyataan Etika:	Kajian ini telah dijalankan selaras dengan piawaian etika penyelidikan. Persetujuan bermaklumat telah diperolehi daripada Kementerian Pelajaran Malaysia dan Pejabat Pendidikan Daerah sebelum pengumpulan data dijalankan. Penyertaan adalah secara sukarela, dan responden telah dijamin kerahsiaan serta anonimitas. Data yang dikumpulkan digunakan semata-mata bagi tujuan akademik.
Pernyataan Sumbangan Penulis:	Semua penulis telah menyumbang secara signifikan terhadap pembangunan manuskrip ini. [Penulis A] mengendalikan pengumpulan data, analisis serta tafsiran dapatan kajian. [Penulis B] bertanggungjawab terhadap pengkonsepkan, metodologi dan penyeliaan keseluruhan kajian. [Penulis C] menyumbang kepada sorotan literatur, penyediaan draf, dan semakan kritikal manuskrip. Semua penulis telah membaca dan meluluskan versi akhir manuskrip sebelum penyerahan.

Rujukan

- Al-Attas, S. M. N. (2014). *Islam and secularism*. Kuala Lumpur: International Institute of Islamic Thought and Civilization.
- Al-Ghazali. (2004). *Ihya' 'ulum al-din (Revival of the religious sciences)*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Alghifari, M. (2024). Islamic personality development among Muslim youth: Integrating spiritual and psychological dimensions. *Journal of Islamic Psychology*, 8(1), 45–60.
- Ariyani, D. (2025). Digital culture and moral challenges among Muslim adolescents in the era of social media. *International Journal of Islamic Education Research*, 7(1), 33–48.
- Ayre, C., & Scally, A. J. (2014). Critical values for Lawshe's content validity ratio: Revisiting the original methods of calculation. *Measurement and Evaluation in Counseling and Development*, 47(1), 79–86. <https://doi.org/10.1177/0748175613513808>
- Creswell, J. W. (2005). *Educational research: Planning, conducting, and evaluating quantitative and qualitative research* (2nd ed.). Upper Saddle River, NJ: Pearson Education.
- Fasya, A. (2022). Struktur diri manusia dalam psikologi Islam: Analisis konsep qalb, nafs, 'aql dan ruh. *Jurnal Psikologi Islam*, 9(2), 115–130.
- Hashim, R., & Langgulang, H. (2008). Islamic religious curriculum in Muslim countries: The experiences of Indonesia and Malaysia. *Bulletin of Education & Research*, 30(1), 1–19.
- Hodijah, S. (2021). The influence of Qur'anic memorization on emotional stability and self-control among adolescents. *Journal of Islamic Educational Studies*, 6(2), 87–101.
- Lawshe, C. H. (1975). A quantitative approach to content validity. *Personnel Psychology*, 28(4), 563–575.
- Lynn, M. R. (1986). Determination and quantification of content validity. *Nursing Research*, 35(6), 382–385.
- Manap, J. (2013). Prinsip pengukuran religiositi dalam perspektif Islam. *Jurnal Psikologi Islam Malaysia*, 4(1), 23–35.
- Mohd Zaini Samad. (2020). Amalan solat fardu dan hubungannya dengan pembentukan akhlak pelajar sekolah menengah. *Jurnal Pendidikan Islam*, 15(2), 55–70.
- Muijs, D. (2004). *Doing quantitative research in education with SPSS*. London: Sage Publications.
- Mutiara Dwi Sari. (2019). Islamic personality measurement: Conceptual and methodological perspectives. *International Journal of Islamic Studies*, 5(2), 89–102.
- Norzira Ahmad. (2019). Faktor pengabaian solat dalam kalangan pelajar politeknik. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 44(1), 65–72.
- Polit, D. F., & Beck, C. T. (2006). The content validity index: Are you sure you know what's being reported? Critique and recommendations. *Research in Nursing & Health*, 29(5), 489–497.
- Polit, D. F., Beck, C. T., & Owen, S. V. (2007). Is the CVI an acceptable indicator of content validity? Appraisal and recommendations. *Research in Nursing & Health*, 30(4), 459–467.
- Qasim, A. (2018). Spiritual purification and the development of Islamic personality: An analysis of al-Ghazali's concept of tazkiyat al-nafs. *Journal of Islamic Thought*, 12(1), 21–34.
- Rafii, F. (2021). *Psikologi Islam dan pembangunan sahsiah remaja*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Salbiah Mohamed Salleh. (2015). Perbandingan teori perkembangan moral Barat dan konsep akhlak menurut al-Ghazali. *Jurnal Pendidikan Islam*, 10(2), 33–47.

- Sarnoto, A. Z. (2023). Hedonism and moral crisis among Muslim youth in contemporary society. *Journal of Islamic Social Studies*, 4(2), 75–90.
- Sephia Febiana Sari. (2023). Moral education in the Qur'an and its implications for Muslim personality development. *International Journal of Islamic Education*, 8(1), 112–126.
- Sharifah Noorhidayah Syed Aziz. (2021). Amalan sunat dan hubungannya dengan pembentukan sahsiah pelajar tahfiz. *Jurnal Pendidikan Islam Malaysia*, 16(1), 40–52.
- Suhaila Nadzri. (2018). Faktor pengabaian solat dalam kalangan remaja Muslim di Selangor. *Jurnal Penyelidikan Islam*, 30(2), 89–101.
- Tanveer, A. (2020). Tameer-e-Insaniat: An Islamic framework for personality development. *International Journal of Islamic Thought*, 18, 56–67.
- Wiersma, W. (2000). *Research methods in education: An introduction* (7th ed.). Boston: Allyn & Bacon.
- Zainal, A. (2020). Penilaian kesahan kandungan dalam pembangunan instrumen psikologi. *Jurnal Pengukuran dan Penilaian Pendidikan*, 3(1), 15–28.
- Zamanzadeh, V., Rassouli, M., Abbaszadeh, A., Alavi-Majd, H., Nikanfar, A. R., & Ghahramanian, A. (2015). Details of content validity and objectifying it in instrument development. *Nursing Practice Today*, 2(3), 1–7.